

12/12/1998

Masalah ekonomi agenda utama

reports on "Sidang Kemuncak Asean" by Jamhariah Jaafar
HANOI, Jumaat - Pelbagai langkah untuk menangani ekonomi yang melanda rantau ini akan menjadi agenda utama perbincangan pada mesyuarat berasingan Menteri-menteri Luar dan Menteri-menteri Ekonomi Asean, esok.

Kemelut membabitkan penyertaan Kemboja untuk melengkap Asean10 dijangka dapat diputuskan sebelum tengah malam ini, apabila menteri-menteri luar menghadiri majlis makan malam di sini.

Bagaimanapun, mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi (AEM) akan mencuri tumpuan utama apabila sidang berkenaan dijangka akan mengumumkan pelbagai langkah berani jangka pendek untuk memulihkan kegawatan ekonomi yang terus menjejaskan rantau ini.

Setiausaha Agung Asean, Rodolfo Severino Jr, berkata isu pemulihan ekonomi akan diberi tumpuan utama dengan pelbagai cadangan akan dikemukakan termasuk penyusunan semula jadual untuk pelaksanaan Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) dan Kawasan Pelaburan Asean (AIA).

"Afta dan AIA dirancang ketika kegawatan ekonomi belum begitu terasa di rantau ini, kerana itu pada sidang kali ini semua jadual yang diatur perlu disusun semula bagi mempercepatkan integrasi ekonomi dan liberalisasi perdagangan di antara negara-negara anggota," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Selain daripada usaha menjadikan rantau ini lebih menarik untuk pelaburan asing katanya, beberapa cadangan termasuk meningkatkan kemudahan infrastruktur, terutama dalam bidang telekomunikasi juga akan turut disentuh.

"Menteri-menteri akan membincangkan untuk memulih serta meningkatkan kemampuan Asean sebagai pusat pelaburan utama di benua ini dengan bekerjasama sebagai sebuah gagasan yang besar, berbanding hanya sebagai negara individu iaitu pecahan yang lebih kecil.

"Kerana itu kita perlu menggariskan program dan tawaran yang lebih menarik bagi meningkatkan semula pelabur asing dengan melihat Asean sebagai pusat pelaburan serantau dan usaha yang dilakukan adalah bersepadu bukan lagi seorang diri," katanya.

Di samping itu, Severino berkata menteri-menteri juga berbincang mengenai kesan sosial akibat kegawatan ekonomi ini, serta mencadangkan satu jaringan keselamatan sosial yang boleh diterima oleh negara ahli.

"Ini termasuk membabitkan kesan kegawatan ekonomi ke atas kadar kemiskinan dan pengangguran.

"Matlamat utama kita adalah untuk memastikan kemampuan Asean sebagai pesaing utama dunia pada masa depan dapat dimulakan dari sekarang," katanya.

Menurutnya, AEM dan AMM juga akan menyentuh mengenai faktor alam sekitar yang mungkin boleh menimbulkan masalah sekiranya pelbagai langkah berani membabitkan pelaburan perindustrian dijalankan.

Katanya, Asean tidak mahu mengorbankan alam sekitar negara anggota kepada kemajuan yang terlalu pantas dan tidak dikawal.

"Berikutan itu, mesyuarat kali ini juga akan menggariskan langkah untuk memastikan perlindungan sepenuhnya diberi kepada alam sekitar," katanya.

Severino berkata, turut diberi penekanan ialah keutuhan setiakawan di kalangan negara anggota terutama dengan menggariskan pelbagai aktiviti yang turut membabitkan penduduk rantau ini.

Menteri-menteri luar dan Menteri-menteri ekonomi akan mengadakan mesyuarat bersama Ahad ini, manakala Sidang Kemuncak Asean yang turut

dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan bermula Selasa depan.

Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, akan menghadiri AEM, tetapi terpaksa pulang pada sebelah petang untuk menghadiri Perhimpunan Khas Umno, Ahad ini. Bagaimanapun beliau akan ke sini semula pada Isnin.

Manakala Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, akan diwakili oleh Ketua Setiausahaanya, Tan Sri Asmat Kamaluddin, di AEM. Rafidah akan tiba di sini bersama Dr Mahathir dan Abdullah, Isnin ini.

(END)